



Anwar bersama Timbalan Perdana Menteri Pertama Uzbekistan, Achilbay Jumaniyazovich Ramatov (dua dari kiri) di Lapangan Terbang Antarabangsa Bukhara, sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, kelmarin. (Foto BERNAMA)

Manfaatkan laluan dirintis PM tembusi pasaran Asia Tengah

Lawatan Anwar buka peluang lebih besar teroka pelbagai sektor baharu

Tashkent: Lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Uzbekistan dari 17 hingga 19 Mei dilihat sebagai peluang untuk entiti perniagaan di Malaysia mengembangkan perniagaan masing-masing dan menembusi pasaran negara ini selain untuk meneroka pasaran Asia Tengah yang lebih luas.

Perbincangan Anwar dengan Presiden Uzbekistan Shavkat Mirziyoyev pada hari pertama lawatan Jumaat lalu lebih menumpukan mengenai perdagangan antara kedua-dua negara selain mahu jumlah perdagangan saling ditingkatkan.

Bagi tujuan itu, kedua-dua pemimpin menyatakan sokongan masing-masing untuk menggiatkan tugas Jawatankuasa Bersama Perdagangan antara kerajaan selain mengubah jawatankuasa itu menjadi Suruhanjaya Bersama Antara Kerajaan.

Kedua-dua pemimpin juga me-

maklumkan mengenai peningkatan ketara jumlah perdagangan bersama dari segi barangan dan perkhidmatan sejak tujuh tahun lalu serta keperluan untuk memanfaatkan peluang yang belum diteroka, selain saling menyatakan kesediaan untuk mengembangkannya lagi pada tahun-tahun akan datang.

Semasa sidang media bersama, Anwar dan Mirziyoyev menekankan kepentingan untuk perdagangan antara kedua-dua negara perlu dipertingkatkan.

Forum Perniagaan Peringkat Tinggi Uzbekistan-Malaysia di Samarkand Silk Road Complex Sabtu lalu yang dihadiri Anwar dan Timbalan Perdana Menteri Uzbekistan Jamshid Khodjaev menerima sambutan luar biasa daripada syarikat Malaysia dan Uzbekistan.

Kira-kira 200 syarikat menyertai forum itu termasuk firma utama milik kerajaan atau swasta.

Komitmen perdagangan yang dianggarkan bernilai RM710 juta telah dicapai pada forum itu.

Bantu syarikat kecil

Anwar memberitahu media Malaysia usaha membantu syarikat kecil dan sederhana Malaysia dalam melonjakkan penembusan pasaran luar negara mereka mesti dipertingkatkan, selain untuk meletakkan mereka pada kedudukan yang lebih baik.

Pada 2023, jumlah perdagangan dua hala Malaysia dengan Uzbekistan bernilai AS\$94.03 juta (RM451.1 juta), dengan eksport ke negara Asia Tengah itu bernilai AS\$93.6 juta (RM449 juta) dan import pula pada AS\$414,518 (RM1.99 juta).

Ekoran cabaran geopolitik yang menjejaskan perdagangan global, MITI juga menumpukan negara seperti di Afrika, Amerika Selatan dan Asia Barat.

Bagi Malaysia, memandangkan dagangan dengan negara terbesar dunia merosot tahun lalu sedangkan dagangan dengan negara Asia Barat, Afrika dan Amerika Selatan meningkat, maka sudah sampai masa untuk mempunyai perancangan baharu yang bukan sahaja menumpukan rakan dagang terbesarnya seperti China dan Amerika Syarikat.

Kunjungan ke Kyrgyzstan, Kazakhstan dan Uzbekistan itu berjaya menjana potensi pelaburan dan perdagangan sekurang-kurangnya lebih RM2.1 bilion, ia bakal memanfaatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

"Alhamdulillah, lawatan rasmi saya ke Uzbekistan telah berjaya mengangkat hubungan dua hala, pelaburan, perdagangan serta kerjasama Malaysia-Uzbekistan ke tahap lebih tinggi dengan potensi eksport sekurang-kurangnya RM710 juta telah termeteari," katanya. BERNAMA